

26/01/2001

Pegawai sektor kritikal wajar bersara lewat

Ahmad Kamil Mohamed

ISU had usia pesaraan kakitangan awam nampaknya terus menjadi agenda penting Cuepacs dalam tuntutanannya terhadap kerajaan. Bagaimanapun, hingga kini tiada sebarang keputusan muktamad dicapai, walaupun kerajaan kerap kali memberi jaminan kajian dibuat bagi melanjutkan had usia pesaraan sekarang.

Isu ini juga pernah dibangkitkan tidak lama dulu oleh peserta Dialog Perkongsian Bestari Kebangsaan (NSPD) yang melihatnya dari sudut keperluan tenaga kerja mahir bagi menghadapi era ekonomi berasaskan pengetahuan atau k-ekonomi. Sekali lagi tiada sebarang reaksi yang memberangsangkan daripada kerajaan terhadap perkara itu.

Namun, adalah diharapkan saranan yang dibuat berhubung had usia pesaraan ini oleh Mapen II, yang khabarnya telah diserahkan laporan kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan mendapat perhatian sewajarnya.

Memang tidak dinafikan tenaga kerja mahir dan berpengalaman begitu diperlukan dalam memacu negara menjadi negara maju. Justeru, menamatkan khidmat pekerja ini pada usia 55 tahun adalah kerugian besar kepada negara.

Sedangkan kita dapati ada antara mereka pada usia ini masih produktif, bertenaga dan mampu menyumbang untuk pembangunan negara.

Keperluan mendesak terhadap tenaga kerja mahir dan berpengalaman tentu amat diperlukan di sektor kritikal seperti perubatan, pendidikan dan berkaitan bidang komputer dan teknologi maklumat (IT). Justeru, dalam menimbang cadangan menaikkan usia bersara ini, tumpuan hanya perlu diberikan kepada sektor kritikal dan tidak seharusnya membabitkan seluruh jentera pentadbiran awam.

Saya sendiri tidak nampak mengapa perlu bersara daripada perkhidmatan kerajaan seawal usia 55 tahun. Saya berpendapat tiba masanya kerajaan memikirkan semula untuk menyemak kembali peraturan yang diperkenalkan British sejak 1950-an.

Dalam konteks sekarang, yang mana ekonomi bergerak pantas dan tenaga kerja mahir serta berpengalaman luas amat diperlukan, usia bersara 55 tahun mungkin tidak relevan lagi.

Secara perbandingannya kita agak terkebelakang daripada negara lain, kerana sesetengah negara mempunyai usia pesaraan tinggi. Misalnya, Thailand (60 tahun), Singapura (62), India (58), Amerika Syarikat (62). Malah ada negara yang mencecah usia 67 tahun.

Jika dilihat, di kalangan mereka yang bersara, mereka sebenarnya masih lagi bertenaga bukan saja dari segi mental malah fizikal.

Kita tentu tidak mahu terus melihat seorang pesara akan sentiasa dikenali dengan imej 'stereotype' iaitu menghabiskan masa dengan anak cucu atau di warung kopi.

Pada ketika negara menghadapi krisis tenaga kerja mahir untuk merencanakan tempo ekonomi negara, keperluan untuk kerajaan memikirkan secara serius usia bersara ini amat dialu-alukan.

Antara krisis tenaga yang paling serius ialah penghijrahan pekerja mahir dan profesional seperti doktor dan ahli akademik lain ke sektor swasta atas alasan gaji dan faedah yang lebih menarik.

Kerajaan mungkin tidak berupaya membendung penghijrahan ini. Bagi mengelak kekurangan berterusan dalam sektor awam, menaikkan usia bersara kepada 60 tahun mungkin antara langkah wajar difikir dan dilaksanakan.

Sektor pendidikan yang memerlukan guru mahir dan berpengalaman dalam mata pelajaran penting seperti Sains, Matematik dan Bahasa Inggeris, tentu akan menikmati faedah paling besar jika cadangan ini dapat dilaksanakan.

Paling tidak kerajaan tidak perlu bersusah payah untuk memanggil balik guru-guru ini untuk berkhidmat secara kontrak di sekolah, khususnya di luar bandar.

Pada peringkat pengajian tinggi, keperluan untuk memanjangkan tempoh perkhidmatan selewat 60 tahun lebih mendesak. Kerajaan tentunya tidak mampu melihat ramai tokoh akademik dan pakar dalam bidang tertentu bersara ketika mana khidmat dan kepakaran mereka masih diperlukan.

Ini ditambah dengan faktor berapa banyak wang yang dlaburkan dalam usaha melahirkan golongan ini. Golongan akademik yang rata-ratanya mendapatkan doktor falsafah (PhD) pada usia lewat 40-an, tentunya tidak puas untuk terus mencanai minda mencurahkan ilmu.

Pada masa sama, kerajaan juga dapat menampung kekurangan pakar akademik di Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA), berikutan penghijrahan mereka ke IPT Swasta (IPTSA) yang menawarkan insentif lebih menarik.

Begitu juga sektor kesihatan dan perubatan yang sentiasa menghadapi masalah kekurangan pegawai perubatan, tentunya akan untung besar jika usia pesaraan ini dilanjutkan.

Paling penting masyarakat luar bandar khususnya, tidak lagi dinafikan peluang untuk menikmati kemudahan pakar perubatan yang lebih baik dan berpengalaman.

Dalam pada itu, tahap kesihatan yang semakin baik yang dinikmati oleh rakyat negara ini juga perlu diambil kira. Dengan jangka hayat yang semakin memberangsangkan iaitu 72 tahun untuk wanita dan 69 bagi lelaki, keupayaan untuk bekerja dengan sihat selewat 60 tahun memang tidak boleh diragukan lagi.

Jika golongan petani yang bekerja di bawah panas terik matahari, membanting tulang empat kerat boleh bekerja dengan produktif dan menyumbang kepada pembangunan negara, amatlah menghairankan pegawai kerajaan mengambil keputusan untuk berehat seawal usia 55 tahun.

Selain masalah penghijrahan tenaga kerja ke sektor swasta, sikap sesetengah rakyat negara ini yang lebih suka bekerja di negara jiran misalnya di Singapura juga memberi kesan kepada tenaga kerja negara.

Dengan bilangan pekerja yang bersara meningkat setiap tahun, keperluan tenaga kerja cuma dapat ditampung dengan bergantung kepada pekerja asing yang kebanyakannya tidak mahir.

Jika fenomena ini tidak dibendung, dikhuatiri dalam tempoh beberapa tahun akan datang, negara akan mengalami krisis tenaga kerja serius. Keadaan ini tentunya diburukkan lagi dengan segelintir mereka yang lebih berminat untuk menetap dan bertugas di negara asing daripada balik ke Malaysia menyumbangkan kemahiran dan kepakaran mereka untuk kemajuan negara.

Lebih daripada itu, apa yang membimbangkan ialah di kalangan pesara itu sendiri ada yang tidak tahu menggunakan sisa usia ke arah yang lebih berfaedah.